

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA**  
**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

---

PENGGAL YANG KEDUA

**KERTAS PEMBERITAHU**

HARI KHAMIS, 21 APRIL, 1960

---

**PERTANYAAN<sup>2</sup> BAGI JAWAB MULUT**

**\*1. Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan ada-kah Kerajaan berchadang mengadakan sa-buah pusat latehan perushaan tangan dan pertanian bagi orang<sup>2</sup> perempuan di-kawasan Negeri Kedah sa-bagaimana yang telah di-adakan dalam Seberang Perai, Bukit Mertajam.

**\*2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan jika beliau akan mengeluarkan penyata Jawatan-Kuasa Penyelidik Khas yang di-lantek menyelideki kemalangan ayer bah di-Lombong Emas Australia Raub yang di-bawah tanah itu pada tahun sudah di-mana banyak nyawa<sup>2</sup> yang telah terkorban.

**\*3. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perushaan menerangkan akan sebab-nya maka pendapat<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Penyelidik Perushaan Nanas pada bulan August, 1959, telah tidak di-keluarkan dan boleh-kah beliau menerangkan bila beliau akan mengeluarkan pendapat<sup>2</sup> ini.

**\*4. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan (a) dengan negeri mana Persekutuan telah menanda tangan perjanjian kerana menyerahkan kembali orang<sup>2</sup> asing kepada pehak yang bertanggong-jawab (b) dengan negeri mana Persekutuan berchadang hendak di-adakan perjanjian sa-rupa itu.

**\*5. Enche' V. Veerappen:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan :

- (a) ada-kah semua jemaah Pengurus/Gabnor<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> yang menerima bantuan penoh sa-rupa susunan-nya, ia-itu sa-rupa di-dalam sharat<sup>2</sup> pentadbir dan kuasa<sup>2</sup>-nya, jika tidak terangkan apa-kah mustahak-nya di-adakan perubahan<sup>2</sup> itu;
- (b) ada-kah sama chara<sup>2</sup> kenaikan pangkat dan pelantekan pengetua<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> yang di-beri bantuan penoh.

**\*6. Enche' Ng An Teck:** Minta kapada Menteri Pertahanan menerangkan berapa-kah banyak-nya orang<sup>2</sup> tahanan yang sedang berada di-dalam tahanan atau baharu sahaja di-tahan jadi gila, berikan butir<sup>2</sup> di-mana-kah mereka berada sekarang.

**\*7. Enche' Ng An Teck:** Minta kapada Menteri Pertahanan menerangkan apa-kah sebab<sup>2</sup> yang di-berikan oleh Pegawai Perubatan maka terjadi-nya keadaan otak demikian dan ada-kah pandangan ini di-terima oleh Doktor<sup>2</sup> Penyakit Jiwa dan Pengawas Rumah Sakit Otak dan jika tidak apa-kah sebab-nya yang di-beri oleh mereka.

**\*8. Enche' Ng An Teck:** Minta kapada Menteri Pertahanan menerangkan ada-kah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memereksa kesihatan orang<sup>2</sup> tahanan sa-below mereka di-hadapkan untuk di-siasat.

**\*9. Enche' K. Karam Singh:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan jika beliau sedar ia-itu pada pintu masuk ka-tandas buang ayer kecil di-Perhentian Keretapi, Seremban ada sa-keping papan pemberitahu demikian bunyi-nya, "Penumpang<sup>2</sup> Kelas satu dan dua sahaja" dan, jika beliau sedar, ada-kah beliau akan membetulkan keadaan ini agar semua penumpang<sup>2</sup> ta' kira kelas mana mereka menumpang, dapat menggunakan tandas itu.

## PERTANYAAN<sup>2</sup> BUKAN BAGI JAWAB MULUT

**1. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa orang-kah Pegawai<sup>2</sup> Berdagang di-Radio Malaya, bilangan juruhebah sambilan daripada pegawai dagang dan jumlah gaji<sup>2</sup> mereka, bilangan anak negeri yang di-beri kerja<sup>2</sup> yang sama dan jumlah gaji<sup>2</sup> mereka, dan bila-kah Perdana Menteri hendak memberikan semua kerja<sup>2</sup> sambilan yang di-pegang oleh pegawai berdagang itu kapada pegawai<sup>2</sup> anak Tanah Melayu.

**2. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri akan bilangan Setia-Usaha<sup>2</sup> dan Penulis<sup>2</sup> Trengkas yang bukan ra'ayat Persekutuan yang di-ambil bekerja oleh Menteri<sup>2</sup> dan apa-kah dasar<sup>2</sup> Kerajaan terhadap mem-beri kerja<sup>2</sup> kapada orang<sup>2</sup> yang bukan ra'ayat Persekutuan di-dalam hal kerja<sup>2</sup> sa-rupa itu di-dalam perkhidmatan Kerajaan.

**3. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri menerangkan pernah-kah beliau meminta daripada bekas Duta German, Dr. Granow, agar di-berikan jurutera<sup>2</sup>, dan jika beliau pernah berbuat demikian, apa-kah hasil permintaan itu.

**4. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri menerangkan bila-kah daftar<sup>2</sup> bulanan harga barang<sup>2</sup> runchit di-agak dapat di-keluarkan dan, jika beliau akan mempercepatkan pengeluaran-nya.

**5. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri menerangkan jika beliau sedar rasa tidak puas hati yang amat sangat mempengaruhi fikiran pekerja<sup>2</sup> gaji hari Kerajaan di-sebabkan oleh lewat-nya di-ishtihar-kan keputusan<sup>2</sup> penyelidikan yang di-jalankan oleh Surohanjaya Penyelidik. Pekerja<sup>2</sup> Gaji Hari Kerajaan, yang di-lantek pada awal tahun 1959, dan jika beliau akan mengambil tindakan kilat untuk mempercepatkan pengeluaran Penyata itu.

**6. Enche' V. Veerappen:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan:

- (a) bilangan sekolah Kerajaan yang mendapat bantuan penoh;
- (b) bilangan sekolah pengembang ugama yang mendapat bantuan penoh;
- (c) bilangan sekolah orang ramai yang mendapat bantuan penoh;
- (d) bilangan sekolah pengembang ugama Keristian yang pengetua<sup>2</sup>-nya ia-lah (i) orang Keristian; (ii) bukan orang Keristian.